

## NOTA EDITOR

Sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah Islam mempunyai persamaan dengan sistem pentadbiran keadilan jenayah yang lain seperti keperluan tatacara, pembuktian dan hukuman. Namun, oleh sebab sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah Islam berpaksikan al-Quran dan Sunnah, maka wujud kelainan dan keunikan sistem Islam itu.

Seperti sistem keadilan yang lain, sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah di Malaysia berkembang pesat seiring dengan langkah memartabatkan sistem keadilan syariah secara umumnya. Bermula dengan kewujudan kesalahan jenayah hanya meliputi kesalahan tidak bersembahyang Jumaat dan berpuasa di bulan Ramadan, enakmen khusus pula telah diwujudkan dalam tahun 80'an contohnya Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985 yang mempunyai lebih kurang 30 kesalahan. Penambahbaikan undang-undang kesalahan jenayah ini diselarikan juga dengan penambahbaikan tatacara jenayah seperti Enakmen Acara Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1983.

Perbincangan mengenai undang-undang Islam dalam masyarakat akan acap kali menghalu kepada undang-undang jenayah syariah terutama mengenai hudud dan qisas jika tidak mengenai perbankan Islam. Mungkin ada benarnya saranan Tun Abdul Hamid Mohamad supaya fokus pada masa sekarang sepatutnya adalah kepada penambahbaikan pentadbiran keadilan bukan kepada menambah bidang kuasa kesalahan jenayah syariah. Ataupun setidak-tidaknya dalam kita berusaha memartabatkan mahkamah syariah dari segi perjawatan dan bidang kuasa jenayah, kita tidak harus lupa kepentingan perincian pentadbiran keadilan jenayah syariah.

Dalam proses penambahbaikan sesuatu sistem, amat penting untuk diperoleh dahulu gambaran besar sesuatu sistem itu supaya kerja-kerja penambahbaikan tidak hanya berdasarkan tindak balas terhadap kritikan tetapi adalah sesuatu yang penting dan yang didahulukan oleh sistem itu sendiri. Oleh itu dalam membicarakan sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah, falsafah sistem itu sendiri perlu dikupas. Sudah semestinya sistem itu harus berpaksi kepada syariah yang bersumberkan al-Quran dan sunnah yang bermatlamatkan pemeliharaan kemaslahatan manusia dan menungkah kemudaran.

Tujuan dan matlamat syariah yang disebut juga sebagai *maqasid al-syariah* bagi sistem ini adalah keadilan. Seperti yang dikupas oleh Dato' Haji Daud bin Muhammad dalam penerbitan ini, untuk memastikan keadilan dalam pentadbiran keadilan jenayah syariah, hakim yang dilantik mestilah seseorang yang adil dan didukung keimanan dan kearifan dalam ilmu hukum syariah. Dilengkapi dengan sifat tersebut, hakim dan juga

pihak yang lain seperti penguat kuasa, pendakwa dan peguam akan dapat melihat pentadbiran keadilan jenayah syariah dari kaca mata Islam dan bukan perspektif yang lain seperti hak asasi manusia fahaman Barat. Hak asasi manusia fahaman Barat yang menitikberatkan kebebasan individu tidak akan menerima matlamat pengabdian kepada Yang Esa.

Dalam kita mempertahankan keunikan dan keutuhan falsafah sistem pentadbiran keadilan Islam, kita perlu juga melihat secara kritis guna pakai dan pelaksanaan sistem tersebut. Adab dan akhlak dalam urusan sesama manusia perlu dijaga dalam urusan siasatan dan tangkapan. Sesuatu maklumat mengenai kesalahan perlu disiasat terlebih dahulu sebelum pertuduhan dibuat selari dengan kehendak undang-undang. Pihak yang diberikan kuasa untuk membuat penyiasatan ialah pegawai penguat kuasa agama dan siasatan ini tidak perlu dianggap sebagai *al-tajassus* atau mencari-cari kesalahan orang.

Sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah yang teratur, beradab dan berakhlak dapat beroperasi dalam sistem perundangan Malaysia yang pelbagai atau plural ini. Ini adalah jelas daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang bukan sahaja meletakkan secara umum Islam sebagai Agama Persekutuan tetapi juga secara khusus menyatakan kesalahan syariah boleh digubal oleh pihak penggubal undang-undang negeri. Menurut Farid Sufian Shuaib dalam penerbitan ini, adalah salah untuk merujuk kes *Che Omar Che Soh* sebagai dalil untuk menidakkan kewajaran guna pakai undang-undang Islam di Malaysia. Kes tersebut adalah dalil untuk menyatakan Islam bukanlah penanda aras bagi keberlembagaan sesuatu undang-undang tetapi bukan sebagai autoriti untuk menyatakan Islam tiada tempat dalam sistem perundangan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan telah dengan jelas menyatakan bahawa penggubal undang-undang negeri mempunyai kompetensi untuk menggubal kesalahan syariah dalam Butiran 1 Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Kewujudan kompetensi Parlimen untuk menggubal undang-undang jenayah tidak sepatutnya menyempitkan kuasa negeri kerana tafsiran harmonis boleh digunakan dengan mengekalkan kompetensi Parlimen untuk menggubal kesalahan untuk semua dan penggubal negeri untuk menggubal kesalahan untuk orang Islam.

Perkembangan mutakhir memperlihatkan mahkamah syariah dan badan penggubal negeri semakin terhimpit dalam menjalankan kuasa mereka di bawah perkara berkaitan Islam. Jika sebelum ini dikatakan bahawa mahkamah sivil tidak bersedia untuk menidakkan bidang kuasa mahkamah syariah, mahkamah sivil pada hari tiada masalah untuk menjalankan semakan kehakiman terhadap keputusan mahkamah syariah. Semakan ini dilakukan bukan hanya terhadap keputusan mahkamah syariah tetapi juga terhadap kesalahan syariah seperti yang diputuskan dalam kes Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis. Dalam kes ini Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa

kesalahan orang lelaki memakai pakaian perempuan di tempat awam adalah tidak munasabah dan terbatal.

Kejelasan undang-undang atau perlembagaan tidak semestinya bersamaan dengan kelicinan pelaksanaan undang-undang. Musa bin Awang dalam penerbitan ini telah mengetengahkan permasalahan sumber manusia dalam penguatkuasaan kesalahan syariah melihatkan nisbah pegawai penguat kuasa agama kepada warganegara Islam adalah 1 : 24,184. Nisbah yang tinggi ini akan menyukarkan kerja penguatkuasaan dan bakal menghadapi pandangan sinis dan kritis daripada masyarakat.

Komunikasi yang berterusan dan jelas antara jabatan agama dan masyarakat berkenaan dengan skop kerja pegawai penguat kuasa agama adalah penting supaya masyarakat memahami tugas dan kekangan mereka. Kerjasama erat antara penguat kuasa agama dan masyarakat akan memudahkan tugas mereka dan membantu dalam melaksanakan pentadbiran keadilan jenayah syariah.

Menyedari kekurangan dalam pasukan pegawai penguat kuasa agama ini, cadangan untuk menubuhkan pasukan polis syariah atau bantuan berterusan oleh pasukan polis amat bertepatan sekali. Shamrahayu Ab. Aziz dalam makalah yang kelima berpendapat penubuhan pasukan penguat kuasa agama adalah selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan pentadbiran keadilan syariah kepada penggubal undang-undang negeri. Namun untuk memastikan kelancaran pentadbiran keadilan jenayah syariah dalam persekutuan Malaysia, adalah wajar untuk menggunakan khidmat pasukan polis yang sememangnya bertanggung jawab untuk melaksanakan undang-undang, termasuk undang-undang negeri.

Walaupun penggunaan pasukan polis dapat membantu pentadbiran keadilan jenayah syariah, pasukan penguat kuasa syariah masih diperlukan kerana pasukan polis juga mempunyai kekangan sumber manusianya tersendiri. Oleh itu perlu diteliti perjalanan pasukan penguat kuasa syariah ini agar seiring dengan penetapan syariah. Antara langkah yang dapat diambil bagi mencapai objektif ini adalah dengan mengeluarkan garis panduan bagi penguat kuasa dalam menjalankan tanggungjawabnya berkaitan penyiasatan dan penahanan misalnya.

Ibrahim Deris dan Hanifah Haydar Ali Tajuddin dalam makalah keenam berpendapat bahawa garis panduan dalam bentuk Arahan Tetap atau Kod Etika amat penting untuk menterjemahkan kehendak peruntukan enakmen ke dalam bahasa yang difahami oleh pegawai penguat kuasa yang kebanyakannya tidak mempunyai latar belakang undang-undang dan untuk memperincikan tatacara yang dinyatakan secara umum dalam enakmen berkaitan seperti Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996. Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 dan Kod Etika Pegawai Penguat kuasa Agama Jabatan Agama Islam

Negeri 2008 misalnya akan membantu penguat kuasa untuk bersedia merekodkan siasatan menggunakan kamera, mengambil keterangan saksi operasi dan memelihara adab dan akhlak dalam menjalankan tugas.

Tugasan penguat kuasa agama ini berkait rapat dengan tugas pendakwa syarie. Siasatan yang dijalankan dengan teliti dapat membantu pihak pendakwaan mendapatkan keputusan bersalah terhadap tertuduh. Tata cara pihak pendakwaan dapat diperkemas dengan garis panduan seperti Arahan Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Negeri 2008. Ini membantu Pendakwa Syarie melakukan tugas secara teratur dan memastikan keadilan tercapai.

Pendakwaan perlu pembuktian untuk menyabitkan kesalahan kepada orang kena tuduh dan penguasaan undang-undang keterangan amat penting untuk tujuan ini. Pihak pendakwa dan juga hakim perlu jelas tentang beban pembuktian (iaitu terhadap siapa beban membawa bukti dikenakan) dan tahap pembuktian (iaitu kadar keterangan diperlukan untuk sabit kesalahan). Dalam kes jenayah tahap pembuktian (contohnya tahap yakin, tahap zan, tahap syak dan tahap waham) mungkin berlainan untuk sesuatu jenis kesalahan dan prosiding. Dalam makalah yang ketujuh, Zulfakar Ramlee Saad dalam penerbitan ini berpendapat masih terdapat kekeliruan penggunaan istilah beban pembuktian dan tahap pembuktian serta pemakaian tahap pembuktian yang tepat untuk sesuatu kes jika dilihat daripada laporan kes dalam *Jurnal Hukum*.

Timbul persoalan sama ada ikrar atau pengakuan plaintif beragama Islam dalam kes mahkamah sivil yang menyatakan telah melakukan kesalahan syariah seperti zina dengan defendan dan pengakuan ini dibuat untuk mengukuhkan tuntutan sivil terhadap defendan digunakan untuk mendakwa plaintif tersebut di mahkamah syariah. Mengikut undang-undang keterangan syariah, ikrar yang dibuat di luar mahkamah boleh diterima sekiranya pengakuan tersebut dibuat di hadapan saksi. Walaupun demikian terdapat pengakuan oleh plaintif sebegitu yang mendapat liputan akhbar tanpa didakwa di mahkamah syariah dan ini mengelirukan masyarakat.

Harapan kita agar hakim dapat membuat keputusan yang adil dalam mempertimbangkan pendakwaan dan pembelaan berdasarkan beban pembuktian dan tahap pembuktian yang betul. Sekiranya orang kena tuduh didapati bersalah, hukuman terhadap pesalah perlu setimpal, mengasingkan pesalah untuk tempoh tertentu, berupaya menegah ahli masyarakat yang lain daripada melakukan kesalahan yang sama, memulihkan pesalah dan dibentuk menjadi ahli masyarakat beriman dan mampu hidup bermasyarakat apabila dibebaskan serta memberikan pampasan kepada mangsa jenayah.

Dalam mengasingkan pesalah daripada masyarakat luar, walaupun mereka telah menzalimi sesama manusia dan mengingkari perintah Allah dan pemerintah, mereka masih mempunyai hak dan kepentingan untuk

diberikan layanan yang setimpal. Penganiayaan pesalah dan banduan merupakan suatu kesalahan dan merugikan masyarakat pada akhirnya. Wan Roslili Abd. Majid dan Najibah Mohd Zain seperti yang dilaporkan dalam penerbitan ini melakukan kajian di penjara awam melalui kaedah temu bual dan pemerhatian untuk melihat sama ada sistem yang diguna pakai menepati hukum syarak dan undang-undang antarabangsa. Kajian tersebut mendapati layanan yang diberikan oleh penjara secara umumnya selari dengan hak kelangsungan hidup, mengamalkan agama, memperoleh pendidikan, mengekalkan hubungan keluarga dan memperoleh pendapatan.

Keadilan restoratif yang antara implikasi matlamatnya mengurangkan pesalah ulang harus menjadi objektif dalam hukuman yang merangkumi bukan hanya peranan hakim tetapi juga peranan penjara, badan koreksional dan masyarakat sendiri. Wujudnya penjenayah, berulangnya pesalah dan tercederanya mangsa jenayah berhubung kait dengan persekitaran dan masyarakat itu sendiri. Masyarakat juga akhirnya akan menanggung kerugian dan sengsara sekiranya kadar jenayah tidak dapat dikurangkan. Oleh itu masyarakat tidak boleh mencuci tangan daripada sistem umum koreksional dan perlu terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses ini seperti penglibatan dalam pemulihan komuniti dan kaunseling. Untuk ini, terdapat amalan baik daripada negara lain yang dapat dicontohi seperti galakan hafazan melalui pengurangan tempoh hukuman penjara dan merakamkan penceritaan buku cerita kanak-kanak oleh banduan yang berkelakuan baik untuk diperdengarkan kepada anak-anak banduan tersebut.

Menyedari kepentingan layanan yang diperoleh oleh pesalah dalam penjara, pihak penjara sewajarnya mewujudkan program yang dapat menyediakan pesalah untuk menghadapi dunia luar selepas dibebaskan dan juga tidak menjadi pesalah ulang. Pembangunan sesuatu program itu perlu dapat memulihkan pesalah dari segi fizikal, mental dan juga rohani. Mengambil kira kepentingan pendekatan restoratif seperti yang telah dibincangkan di atas, program pemulihan untuk pesalah perlulah holistik dan juga melibatkan masyarakat.

Jamaludin Saad sebagai pegawai tinggi yang bertugas di Jabatan Penjara Malaysia telah membentangkan modul pemulihan dalam penjara dan pembangunan program tersebut untuk pesalah syariah dalam jilid. Mungkin sekiranya modul pemulihan yang digunakan sekarang secara umumnya bertepatan dengan kehendak syariah, tiada keperluan untuk diwujudkan penjara khas untuk pesalah syariah. Namun risiko percampuran pesalah syariah dengan pesalah yang dihukum oleh mahkamah sivil yang termasuk juga pesalah jenayah keganasan perlu diambil kira dalam pengurusan pesalah di penjara.

Persoalan, cabaran dan cadangan yang dikupas serta perincian yang dibuat dalam himpunan terbitan ini diharap akan dapat mencetuskan

perbahasan yang lebih mendalam untuk memartabatkan lagi pentadbiran keadilan jenayah syariah. Penerbitan ini juga diharapkan dapat meluaskan lagi skop perbahasan agar tidak hanya berkisar terhadap kesalahan syariah dan kuasa mahkamah syariah tetapi mampu melihat pentadbiran keadilan jenayah syariah mencakupi isu lain yang tidak kurang pentingnya seperti kuasa pasukan penguat kuasa dan layanan terhadap pesalah.

Dalam menyediakan himpunan makalah ini terdapat juga pertindanan isi antara makalah-makalah tersebut. Kami merasakan pertindanan ini tidak dapat dielakkan sepenuhnya demi mengekalkan kemampuan makalah tersebut untuk berdiri sendiri.

Himpunan makalah dalam jilid ini tidak dapat dilakukan tanpa sumbangan penulis pakar dan kerjasama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia terutamanya daripada Rektor Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Bermula daripada pembentangan kertas kerja di Seminar Undang-Undang dan Masyarakat yang dianjurkan oleh Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, para penilai jurnal Kanun kemudiannya memberikan maklum balas untuk proses pemurnian makalah. Harapan kami agar makalah yang diterbitkan dalam keluaran khas ini dapat menyumbang dalam mengorak langkah ke hadapan bagi peningkatan sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah di Malaysia.

*Farid Sufian Shuaib*  
farid@iium.edu.my

*Ainul Jaria Maidin*  
ainulj@iium.edu.my

Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM),  
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.